

Memanfaatkan Ilmu Aqli Dalam Perjuangan Membebaskan Palestin



Oleh: Siti Nur Hajjar Mohd Faudzi

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 2 Julai 2021

Kepakaran memanfaatkan ilmu aqli dalam mempertahankan agama boleh dilihat ketika isu pencerobohan rejim Zionis Israel di kejiranan Sheikh Jarrah berhampiran Baitulmuqaddis Timur memuncak pada 7 Mei 2021.

Kita boleh melihat kehebatan dari segi kemajuan bidang kejuteraan melalui peluru berpandu Ayyash-250 buatan Hamas yang digunakan untuk membalas serangan tentera Zionis.

Nama peluru berpandu yang berjaya menembusi sistem pertahanan udara Iron Dome Israel itu diambil sempena jurutera mereka yang hebat iaitu Yahya Ayyash.

Berdasarkan kajian Varden dan James D. yang diterbitkan pada 2011, mereka menyebut bahawa sumbangan jurutera berkenaan menyebabkan aspek pembuatan bom oleh pejuang Hamas berkembang dan kadar keberkesanannya meningkat.

Peranan media yang melangkaui sempadan pada era moden ini membolehkan umat Islam memanfaatkan kelebihan itu untuk mempertahankan maruah agama.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Statista pada Januari 2021, pengguna Twitter di Malaysia telah mencecah angka 3.35 juta.

Fenomena kepantasan penularan berita ini mencetuskan idea bagi beberapa pemuda Malaysia untuk menterjemahkan ciapan berkaitan situasi di Gaza seperti yang dilaporkan oleh sumber dan media di sana.

Malah, ada dalam kalangan mereka seperti pemilik akaun Twitter @mandarinjer yang menterjemahkan ciapan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Mandarin.

Penggunaan tanda pagar yang relevan dengan isu yang diketengahkan juga amat membantu bagi meningkatkan kadar penularan dalam media sosial.

Pemilik akaun Twitter @JatIkhwan pada 15 Mei lalu menyatakan bahawa terjemahan yang dikongsikan beliau mendapat perhatian ramai netizen dari Indonesia, Sepanyol, Mexico, Pakistan, London, Palestin, Jordan dan Israel.

Ilmu psikologi boleh juga diterapkan dalam strategi melawan musuh tanpa menggunakan kekerasan khususnya melalui media sosial.

Kaedah itu adalah seperti yang dikongsikan oleh Mejar (B) Mohd Fitri dalam laman Facebook beliau mengenai taktik perang psikologi yang dilancarkan terhadap penyokong rejim Zionis Israel.

Antara taktik yang disebut beliau adalah memberi komen berunsur tekanan dalam laman rasmi berkaitan rejim Zionis Israel pada pukul 10 pagi waktu Malaysia.

Dengan cara itu, penyokong-penyokong rejim Zionis Israel akan membaca komen-komen tersebut sebaik sahaja mereka bangun tidur pada pukul 5 pagi.

Menurut kajian Saddam Husein Harahap pada 2016, taktik perang psikologi yang disarankan oleh Abdul Bawi Ramdhun adalah dengan menakutkan musuh dari aspek psikologi melalui media sehingga mampu menghilangkan kekuatan mereka.

Strategi tersebut memerlukan netizen yang berilmu agar taktik yang berkesan dan tepat digunakan semasa memberi komen dan kritikan.



Gambar hiasan

Antara fakta yang boleh diketengahkan oleh netizen yang menyokong perjuangan rakyat Palestin adalah penggunaan bom fosforus putih oleh tentera rejim Zionis Israel pada 17 Mei lalu.

Dalam artikel yang diterbitkan pada 2018, Muhammad Irsan dan Mahfud Abdullah menyatakan bahawa bom tersebut boleh menyebabkan organ dalaman luka parah apabila fosforus putih yang tersebar di udara meresap memasuki tubuh.

Artikel yang sama turut menyebut pengharaman penggunaan senjata bom fosforus putih dalam Protokol III Konvensyen Mengenai Larangan atau Sekatan Terhadap Penggunaan Senjata Konvensional Tertentu 1980 (CCWC) atau juga dikenali sebagai Konvensyen Senjata Konvensional 1980.

Secara keseluruhan, ilmu aqli yang dimiliki umat Islam boleh memainkan peranan penting dalam usaha mereka mempertahankan maruah agama termasuk berhubung isu pembebasan Palestin.

Adalah penting bagi netizen Muslim melontarkan hujah-hujah berasaskan ilmu dan bukannya didorong emosi semata-mata bagi membuka mata masyarakat antarabangsa tentang apa yang sebenarnya berlaku di Tebing Barat dan Gaza.

Selain itu, kepakaran dalam bidang sains dan teknologi membolehkan umat Islam membangunkan sistem persenjataan yang canggih bagi mempertahankan diri apabila diserang oleh musuh.